

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15 May 2015

Bendung gerakan ekstrem, liberalisme yang kini menjadi ancaman negara

Pendekatan wasatiyyah

Um - 15/5/2015

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 14 MEI

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pendekatan wasatiyyah mampu membendung gerakan ekstrem dan liberalisme yang kini menjadi salah satu ancaman kepada negara.

Pada masa sama, beliau juga mahu para cendekiawan Islam negara ini tampil membantu kerajaan menerangkan kepada masyarakat mengenai pengertian sebenar jihad selain bekerjasama membendung gerakan liberalisme.

Malah ujar beliau, pendekatan wasatiyyah atau kesederhanaan adalah jalan terbaik bagi merungkai kemelut yang melanda umat Islam di seluruh dunia apabila imej Islam kini bagai dicarik-carik dalam pelbagai gambaran negatif hingga timbul

perasaan Islamofobia apabila munculnya gerakan-gerakan ekstrem.

“Bahkan sesetengah pihak berpandangan perasaan Islamofobia (takut kepada Islam) kini telah menjadi industri yang mencapai perolehan AS\$200 juta (RM720 juta). Saya tidak pasti bagaimana ditafsir begitu tetapi itulah pendapat mereka.

“Imej islam digambarkan begitu negatif bukan saja dalam media perdana di peringkat global tetapi turut melibatkan industri permainan video yang menjadi kegilaan remaja,” katanya dalam Majlis Himpunan Rakan Wasatiyyah di Seri Perdana, di sini hari ini.

Himpunan itu dihadiri 50 Rakan Wasatiyyah yang dipilih dalam kalangan individu berkebolehan menyampaikan kefahaman mengenai pendekatan itu kepada masyarakat.

Perdana Menteri berkata, sehubungan itu, menjadi tugas semua pihak terutama para cendekiawan

Islam bersama-sama bertanggungjawab memperbetulkan keadaan itu supaya imej Islam dapat dipulihkan.

Dalam pada itu, beliau turut menyentuh amalan kebebasan bersuara yang tidak sepatutnya dijadikan kebebasan untuk menyinggung perasaan orang lain.

Ujarnya, disebabkan amalan buruk tersebut telah mendorong pihak tertentu memburukkan serta meletakkan Islam dalam persepsi yang amat negatif.

“Charlie Hebdo telah bertindak melukis karikatur Nabi Muhammad SAW dan mereka beranggapan ini adalah kebebasan bersuara. Mereka tidak boleh membezakan antara kebebasan bersuara dengan kebebasan yang boleh menyinggung orang lain.

“Ini yang dikatakan sebagai kebebasan total atas nama hak asasi. Kita tidak boleh ambil mudah dengan isu-isu sebegini dan amat penting bagi kita untuk memperbetulkan

keadaan tersebut,” katanya lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib berkata, dalam suasana dunia tanpa sempadan, masyarakat boleh meluahkan apa sahaja di media sosial tanpa memikirkan kesannya dan penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak cukup untuk membendung senario itu.

Justeru, beliau berharap para cendekiawan Islam khususnya Rakan Wasatiyyah dapat berperanan dalam memberi penerangan yang jitu berlandaskan kepada ilmu bagi menunjukkan bahawa prinsip Islam yang sebenar adalah amat jauh daripada unsur-unsur ekstrem dan melampau.

“Saya juga harap agar Rakan Wasatiyyah dapat memberi sumbangan sepenuhnya kepada gerak kerja Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) dan turun ke lapangan dalam menyebarkan fahaman wasatiyyah,” katanya.